


SOALAN LAZIM FLEKSIBILITI PEMBAYARAN UNTUK KUMPULAN BERSASAR*

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah maklumat terperinci dalam pengumuman lanjutan moratorium untuk kumpulan bersasar baru-baru ini?	<p>Ada dua jenis pakej yang baru diumumkan dalam pembiayaan runcit. Pakej-pakej ini adalah untuk membantu individu yang berada dalam situasi berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kehilangan pekerjaan – lanjutan moratorium kepada 3 bulan lagi. <ol style="list-style-type: none"> i. Tertakluk kepada pelanggan yang kehilangan pekerjaan pada tahun 2020. ii. Pelanggan perlu menyertakan bukti yang menunjukkan mereka menganggur pada masa permohonan. iii. Dokumen yang diperlukan: Bekerja sebelum ini – Surat daripada majikan yang menunjukkan kehilangan pekerjaan atau surat yang diluluskan oleh Skim Insuran Pekerja. Bekerja sendiri – 3 bulan penyata bank (3 bulan sebelum perniagaan terjejas) dan 3 bulan selepas perniagaan terjejas) 2. Kemerosotan pendapatan akibat COVID-19 – penjadualan semula dengan pembayaran bulanan fleksibel. <ol style="list-style-type: none"> i. Tertakluk kepada pelanggan yang mengalami kemerosotan pendapatan (pada mana-mana kadar) akibat COVID-19. ii. Pelanggan perlu menyertakan bukti yang menunjukkan pendapatan mereka merosot. iii. Dokumen-dokumen yang diperlukan: Bekerja – Salinan gaji atau surat dari majikan berkenaan penolakan pendapatan. Bekerja Sendiri - 3 bulan penyata bank (3 sebelum sebelum perniagaan terjejas dan 3 bulan selepas perniagaan terjejas). <p>Untuk pelanggan PKS, Fleksibiliti Pembayaran akan berdasarkan pada setiap permohonan demi permohonan. Sila hubungi Pengurus Perhubungan anda untuk maklumat lanjut.</p>

No.	Soalan	Jawapan
2.	Akaun pembiayaan saya berada di bawah program Moratorium Automatik buat masa ini dari April 2020 sehingga September 2020 (tanggungan bayaran sehingga 6 bulan). Sekiranya saya memohon penjadualan semula akaun, bilakah tarikh pembayaran saya yang seterusnya?	<p>Untuk akaun di bawah Moratorium, tarikh pembayaran seterusnya adalah pada 1/10/2020.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Jika penjadualan semula diluluskan, tarikh bayaran kekal sama iaitu pada 1/10/2020. Walaubagaimana pun, jumlah bayaran adalah seperti yang dijadualkan dalam terma dan syarat. ii. Pelanggan akan terus menikmati moratorium sehingga September 2020, walaupun penjadualan semula diluluskan.
3.	Bilakah saya boleh memohon memandangkan moratorium sedia ada akan berakhir pada September 2020?	Anda boleh memohon bermula dari 7 Ogos 2020 sehingga 20 June 2021.
4.	Saya telah diberhentikan kerja secara sementara oleh majikan saya pada Febuari sehingga Julai 2020, tetapi kini saya telah bekerja semula dan dengan gaji yang sama, adakah saya layak untuk moratorium lanjutan?	Tidak. Ianya tertakluk untuk pelanggan yang kehilangan pekerjaan dan masih menganggur pada masa permohonan.
5.	Adakah moratorium lanjutan memberi kesan kepada rekod CCRIS saya?	Tidak. Bukan hanya moratorium lanjutan, malah penjadualan semula tidak memberi kesan kepada rekod CCRIS.
6.	Apa yang akan terjadi sekiranya setelah tamat tempoh 3 bulan moratorium lanjutan, saya masih tidak mampu untuk menjelaskan bayaran bulanan saya?	Anda boleh menghubungi kami di enquiry@mbsbbank.com , ecu.careline@mbsbbank.com atau talian khidmat pelanggan kami di 03-20963000 atau di talian ECU Careline 03-20835000 untuk bantuan lanjut.

No.	Soalan	Jawapan
7.	Bagaimanakah untuk saya memohon Fleksibiliti Pembayaran ini?	<p>Untuk kedua-dua situasi; kehilangan pekerjaan atau kemerosotan pendapatan, anda boleh memohon melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Laman web kami di pautan ini: https://www.mbsbbank.com/en#popubannerrnr atau  imbas ii. Emel ke enquiry@mbsbbank.com atau ecu.careline@mbsbbank.com iii. Hubungi talian Khidmat Pelanggankami di 03-20963000 atau ECU - Careline at 03-20835000. iv. Kunjungi mana-mana cawangan MBSB Bank yang berdekatan.
9.	Sekiranya saya sebelum ini telah memilih untuk keluar dari moratorium automatik, adakah saya masih boleh memohon penjadualan semula akaun pembiayaan saya?	<p>Ya. Anda boleh memohon penjadualan semula akaun, tertakluk pada kriteria berikut::</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Anda adalah pelanggan individu yang telah menganggur pada tahun 2020 dan masih dalam penganguran; atau 2. Anda adalah individu yang telah kemerosotan pendapatan (pada mana-mana kadar) dalam tahun 2020 akibat COVID-19. <p>Anda perlu memohon penjadualan semula bersama dokumen sebagai bukti kelayakan untuk kriteria yang tersebut di atas.</p> <p>Nota: Bank boleh membatalkan tawaran penjadualan semula jika pelanggan didapati memalsukan pembuktian.</p>
10.	Akaun pembiayaan saya tidak berada di bawah program moratorium automatik. Adakah saya masih boleh memohon penjadualan semula akaun pembiayaan saya?	Ya anda boleh memohon, bergantung kepada kelulusan pihak Bank.
11.	Berapa lama yang diperlukan oleh MBSB Bank untuk memberikan maklum balas terhadap permohonan penjadualan semula akaun saya ?	Di dalam 24 jam (Hari bekerja), tertakluk kepada permohonan dengan dokumen yang lengkap. (Borang R&R dan dokumen sokongan).
12.	Bagaimanakah saya akan terima makluman kelulusan penjadualan semula saya?	<p>SMS akan di hantar ke nombor telefon bimbit yang di daftar bersama maklumat terperinci mengenai kelulusan permohonan anda.</p> <p>Anda perlu memberi respon dengan membalas YA (Terima) atau TIDAK(Tolak) jika anda bersetuju atau tidak bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat di dalam akaun penjadualan semula .</p>

No.	Soalan	Jawapan
13.	Adakah saya akan dikenakan bayaran tambahan untuk penjadualan semula?	Tidak ada bayaran tambahan untuk akaun pembiayaan Islamik. Walaubagaimana pun untuk akaun Konvensional, faedah akan dikira berdasarkan tempoh lanjutan pada penjadualan semula.
14.	Akaun pembiayaan saya mempunyai perlindungan MRTA/Takaful sehingga tamat tempoh pembiayaan sedia ada. Sekiranya saya membuat penjadualan semula, adakah tempoh MRTA/Takaful akan diselaraskan mengikut tempoh lanjutan?	<p>Tidak, perlindungan MRTA/Takaful tidak akan dilanjutkan bagi tempoh lanjutan penjadualan semula.</p> <p>Pelanggan dikehendaki menghubungi operator Takaful masing-masing untuk perlindungan tambahan semasa tempoh lanjutan.</p>

* Pelanggan Runcit yang layak dan untuk pelanggan PKS, Fleksibiliti Pembayaran akan berdasarkan pada setiap permohonan demi permohonan

* Untuk tujuan soalan lazim ini, sila rujuk definisi di bawah

1. Untuk terma berkenaan akaun dan pinjaman konvensional, ia akan merujuk kepada akaun konvensional yang dipegang oleh Malaysia Building Society Berhad (No. Pendaftaran:197001001000172/9417-K) dan;
2. Untuk terma berkenaan akaun shariah atau patuh shariah, ia akan merujuk kepada akaun yang dipegang oleh MBSB Bank Berhad (No. Pendaftaran: 200501033981/(716122-P).